

28 SEP 2001

Gerakan-Kerk/I

GERAKAN GESA ANGGOTA WASPADA TERHADAP KEGANASAN DAN PELAMPAU

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Gerakan hari ini menggesa sayap Pemuda dan Wanitanya supaya memberi penerangan kepada anggotanya tentang bahaya keganasan dan pelampau agama yang muncul di negara ini dan kesannya ke atas ekonomi.

Timbalan presiden parti Datuk Kerk Choo Ting berkata mereka harus turun ke padang untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai bahaya aktiviti seperti itu dalam usaha untuk mengekalkan keharmonian masyarakat yang diusahakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Penyebaran ideologi pelampau agama dan yang lain dilakukan di kalangan masyarakat untuk menggugat keamanan dan keharmonian serta mengeneppikan undang-undang," kata beliau ketika merasmikan persidangan perwakilan Pemuda dan Wanita Gerakan di sini.

Kerk berkata jika pergerakan Pemuda dan Wanita gagal memenuhi cabaran itu, bukan sahaja kestabilan politik akan terjejas tetapi juga boleh menyebabkan kemusnahan ekonomi.

Beliau berkata kedua-dua sayap itu harus berusaha meyakinkan masyarakat terutama kalangan belia supaya jangan terpengaruh atau diperalatkan oleh orang atau kumpulan tertentu dengan niat negatif.

Kerk berkata pergerakan Pemuda dan Wanita harus merancang aktiviti dan kempennya untuk membantu mewujudkan negara Malaysia yang bersatu dan membendung ancaman pelampau.

Beliau berkata senario dunia telah menjadi tidak menentu dan tidak stabil dalam konteks ekonomi dan politik berikutan serangan penganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lalu.

Beliau memberitahu persidangan bahawa banyak pengajaran yang boleh dipelajari daripada serangan itu.

Kerk menggesa sayap Pemuda dan Wanita supaya menggunakan kebijaksanaan mereka untuk membezakan antara yang salah dan benar dalam menangani isu ideologi dan perjuangan, memahami ideologi dan pelaksanaan ideologi.

Pada persidangan media kemudian, Kerk berkata Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi menangani ancaman keganasan dan pelampau agama.

Kerk berkata Gerakan telah menganjurkan "road-show" beberapa bulan lalu untuk menjelaskan tentang bahaya keganasan dan pelampau agama.

Persidangan perwakilan Gerakan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

-- BERNAMA

DC KHY SK FAZ